KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

PETRA SERU ORGANISASI TEMPATAN SERTAI ANUGERAH TENAGA KEBANGSAAN 2027

PUTRAJAYA, 27 OKTOBER 2026 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) mengumumkan pembukaan penyertaan bagi Anugerah Tenaga Kebangsaan (National Energy Awards – NEA) 2027 bermula hari ini sehingga 5 Februari 2027. Sehubungan dengan itu, PETRA menyeru organisasi tempatan untuk mengetengahkan pencapaian cemerlang dan amalan terbaik dalam bidang kecekapan tenaga serta tenaga boleh baharu menerusi platform berprestij ini.

Penyertaan anugerah yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia ini terbuka kepada penggiat industri, pemilik dan pengendali bangunan, institusi, agensi kerajaan serta organisasi lain yang memenuhi syarat kelayakan dan telah berjaya melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga atau tenaga boleh baharu.

NEA berperanan sebagai platform utama negara dalam mengiktiraf usaha dan pencapaian organisasi dalam meningkatkan prestasi tenaga, mengurangkan kos operasi dan memperluas penggunaan tenaga bersih. Anugerah ini turut menggalakkan perkongsian inovasi serta amalan terbaik yang boleh dicontohi dan diperluas pelaksanaannya.

Penganjuran NEA 2027 menyokong agenda peralihan tenaga negara, selaras dengan penekanan Belanjawan 2027 terhadap pembangunan tenaga bersih dan penggunaan teknologi hijau. Dalam konteks ini, NEA berperanan mengetengahkan kejayaan organisasi dalam

menterjemahkan pelaburan dan inisiatif tenaga lestari kepada manfaat ekonomi serta alam sekitar.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, NEA telah menarik penyertaan daripada lebih 1,620 buah organisasi yang berkelayakan. Sepanjang tempoh tersebut, seramai 290 pemenang NEA telah dipilih untuk mewakili Malaysia dalam ASEAN Energy Awards (AEA), sekali gus mengetengahkan kepakaran, inovasi dan amalan terbaik tempatan ke peringkat serantau.

Pencapaian organisasi yang menerima pengiktirafan pada NEA 2026 turut membuktikan manfaat pelaksanaan inisiatif tenaga lestari. Sebanyak 50 organisasi berkenaan mencatatkan penjimatan tenaga dan penjanaan tenaga boleh baharu secara kolektif berjumlah kira-kira 270.54 gigawatt-jam (GWj) setahun, serta penjimatan kos tenaga sebanyak RM48.82 juta setahun**.** Daripada pemenang NEA 2026 yang mewakili negara, Malaysia telah berjaya merangkul 20 pengiktirafan di peringkat AEA 2026.

Bagi edisi 2027, NEA akan terus mengenal pasti dan mengiktiraf organisasi yang menunjukkan pencapaian yang dapat diukur melalui pemantapan pengurusan tenaga, peningkatan kecekapan tenaga bangunan dan industri serta pembangunan dan pelaksanaan projek tenaga boleh baharu.

Penyertaan NEA 2027 dibuka bagi empat kategori utama, iaitu:

1. Tenaga Boleh Baharu;
2. Pengurusan Tenaga;
3. Bangunan Cekap Tenaga; dan
4. Anugerah Khas.

Penerima anugerah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan, dan berpeluang dipilih untuk mewakili Malaysia dalam AEA. Pengiktirafan ini membuka ruang kepada organisasi tempatan untuk menampilkan keupayaan dan pencapaian masing-masing di peringkat serantau.

Sehubungan itu, PETRA dan SEDA Malaysia menyeru organisasi yang layak di seluruh negara supaya mengemukakan penyertaan dan berkongsi kejayaan projek serta inisiatif yang menyumbang kepada peningkatan prestasi tenaga dan kemajuan agenda peralihan tenaga negara.

Maklumat lanjut mengenai syarat kelayakan, kategori anugerah dan tatacara penyertaan boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi https://nationalenergyawards.com.my/ dan penyertaan bagi NEA 2027 perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 5 Februari 2027.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
27 OKTOBER 2026